

# Buletin




UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

e-ISSN: 2600-8289

# ACIS

Syaaban 1445/ Februari 2024



## Terima Kasih Ustazah Norlela Kamaluddin

Isu Fitnah dan Khobar Angin di sebalik Peristiwa Perang Bani Al-Mustaliq

PUISI TRADISIONAL: Kelangsungan Keindahan Bahasa dan Adab Melayu

Ibadah dalam Masyarakat: Polemik yang tidak berkesudahan

PUISI: Persuratan Rentak Lisan

Pensyarah ACIS Berjaya Merangkul Naib Johan Dalam Musabaqah  
Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sembilan 2024

eISSN 2600-8289



9 772600828001

# Isu Fitnah dan Khobar Di sebalik Peristiwa Perang Bani Al-Mustaliq

Oleh:

**Dr Mohd Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Peperangan Bani al-Mustaliq berlaku dalam bulan Syaaban tahun ke 6 hijrah. Penulisan ini tidak akan menceritakan bagaimana peperangan tersebut berlaku, tetapi terdapat satu kisah yang menggoncang rumahtangga Rasulullah yang sewajarnya dijadikan pengajaran dalam kehidupan.

Dalam peperangan ini terjadinya hadith *al-ifk* (cerita fitnah) yang direka-reka oleh golongan munafik telah menggoncang keharmonian bumi hijratul rasul sehingga seluruh bumi Madinah dicengkam perasaan terkejut dan berdukacita kerana kerukunan hidup baginda sekeluarga sedikit tercalar.

Dalam peristiwa tersebut, Saidatina Aisyah yang telah mendapat undian dari kalangan isteri nabi untuk menyertai peperangan tersebut. Sewaktu tentera Islam dalam perjalanan pulang ke Madinah, mereka telah singgah di beberapa tempat persinggahan. Aisyah telah keluar dari kenderaannya untuk qada hajat dan kalungnya telah jatuh menyebabkan beliau kembali ke tempat beliau qada hajat untuk mencari kalung tersebut. Dalam masa yang sama tentera Islam berangkat meneruskan perjalanan pulang ke Madinah yang pada sangkaan mereka Aisyah berada dalam kenderaan tanggungannya. Selepas Aisyah menjumpai kalungnya dia pun terus ke tempat persinggahan tentera Islam dan alangkah terkejutnya Aisyah apabila mendapati tiada lagi tentera Islam yang tinggal.

Saidatina Aisyah terlelap kerana kepenatan dan beliau dikejutkan dengan laungan seorang sahabat bernama Safwan bin Ma'tal yang kebetulan tercicir dari kumpulan tentera Islam. Safwan yang mengetahui bahawa Aisyah adalah isteri baginda segera mengucapkan *inna lillahi wa inna ilahi rajiun* dan merendahkan tanggungannya untuk dinaiki oleh Aisyah. Sepanjang perjalanan mereka tidak bercakap walau sepele perkataan pun sehinggalah mereka sampai ke Nahr al-Zahirah yang secara kebetulan tentera Islam pun berhenti di tempat yang sama. Apabila dilihat oleh tentera Islam yang ada dalam kalangan mereka itu orang munafik, mereka mula menyebarkan cerita yang bukan-bukan berunsur fitnah kononnya Saidatina Aisyah ada melakukan hubungan dengan Safwan. Cerita fitnah ini berlanjutan sehinggalah tentera Islam selamat sampai ke Madinah.

Rasulullah mengambil sikap mendiamkan diri sehinggalah wahyu turun bagi menjelaskan perkara yang sebenar. Ada di antara para sahabat yang mencadangkan kepada Rasulullah supaya menceraikan Aisyah dan tidak kurang juga yang menyarankan baginda terus bersama isteri baginda. Ternyata khobar angin dan musibah ini banyak mengganggu emosi Nabi, para sahabat mahupun Saidatina Aisyah sendiri dan bapanya Abu Bakar al-Siddiq. Cerita palsu ini digunakan

sepenuhnya oleh golongan munafik untuk memusnahkan rumahtangga baginda dengan diketuai oleh Abdullah bin Ubai dengan dibantu oleh Hassan bin Thabit, Mistah bin Asasah dan Hamnah binti Jahsy.

Sebulan lamanya wahyu tidak turun dan dalam tempoh itu juga Saidatina Aisyah ditimpa demam. Sehinggalah pada satu hari turunnya ayat surah al-Nur ayat 11-20 yang menjelaskan tentang kesucian Aisyah dan pembuktian bahawa dia tidak bersalah melakukan perkara curang. Sejurus selepas turunnya ayat, Rasulullah bersabda yang maksudnya: "*Wahai Aisyah, kini Allah telah mengisytiharkan kesucianmu dari segala noda*".

Begitulah hebat dan dahsyatnya bahana fitnah yang tidak kenal sesiapa walaupun Nabi dan isteri baginda sendiri. Dengan sebab itu Islam melarang keras perbuatan fitnah dan menyebarkan khobar angin dan golongan penyebar maklumat palsu itu dijanjikan Allah dengan balasan azab yang amat pedih. Maksud firman Allah S.W.T. "*sesungguhnya orang-orang yang ingin agar berita itu tersiar (peristiwa Saidatina Aisyah dan Safwan dalam hadith al-ifk) di kalangan orang-orang yang beriman, bagi mereka azab yang pedih di dunia dan akhirat. Allah lebih mengetahui sedang kamu tidak mengetahuinya*". (Surah al-Nur : 19).

Orang-orang yang terlibat dalam menyebarkan berita palsu ini dijatuhkan hukuman rotan oleh baginda SAW. Tembelang golongan munafik yang sentiasa mencari ruang untuk memecah belah keharmonian masyarakat Madinah telah terbongkar sehingga mereka tidak mampu untuk mengangkat kepala berhadapan dengan orang-orang Islam.

Sehubungan dengan itu, semua individu dalam masyarakat mestilah berwaspada daripada bahana fitnah. Rumah tangga yang rukun damai, perpaduan dan integrasi kaum boleh bermusuhan kerana fitnah. Jauhilah prasangka kerana ianya bukan membawa kepada keamanan tetapi sebagai pemecah belah masyarakat. Ayat suci al-Quran merakamkan bahaya fitnah kepada masyarakat melalui firmanNya yang bermaksud *jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak tertimpa dengan satu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu akhirnya menyesal atas perbuatanmu itu*" (surah al-Hujurat: 6).

Dalam ayat ini menyebut perkataan 'orang fasik' yang boleh diertikan sebagai mereka yang sebenarnya telah terkeluar dari sempadan syarak lantaran kesalahan yang telah dilakukan. Ia juga boleh didefinisikan sebagai orang yang telah melakukan satu perbuatan maksiat dan meninggalkan

perintah Allah S.W.T. Ini menunjukkan bahawa golongan penyebar fitnah sebenarnya adalah golongan fasik yang telah melakukan satu perkara dosa kerana menyebarkan pembbohongan yang jelas.

Lebih-lebih lagi dalam era teknologi maklumat yang serba moden dan canggih, penyebaran dan penerimaan maklumat berlangsung dengan cepat dan pantas. Islam tidak pernah menolak kemajuan tetapi biarlah kemajuan ini seiring berasaskan etika dan nilai-nilai akhlak yang diterima pakai menurut tuntutan syarak.

Fenomena fitnah dan khabar angin sering digunakan oleh ramai pihak dalam menyebarkan maklumat yang tidak benar. Mereka menggunakan kemudahan canggih ini untuk melaga-lagakan sesama manusia sehingga yang bersahabat menjadi musuh, yang bersaudara bersengketa, suami isteri runtuh kerukunan rumahtangga gara-gara e-mel, sms, surat layang dan seumpamanya yang tidak diketahui siapa pengirim berita tersebut.

Sejak zaman Rasulullah lagi telah wujudnya permasalahan khabar angin dan fitnah, maka apatah lagi di zaman yang serba canggih ini, apa-apa sahaja boleh berlaku. Maka setiap individu muslim hendaklah memikul tanggungjawab dalam setiap perkataannya agar tidak tersalah dalam berkata-kata kerana dosa lidah itu amatlah berat. Dalam menerima sesuatu maklumat, selidiklah terlebih dahulu fakta yang diterima dan jangan dipercayai seratus peratus tanpa ada sandaran bukti dan dalil yang kuat. Seelok-eloknya tanyalah kepada orang yang lebih mengetahui dan sekiranya maklumat itu berkaitan dengan peribadi seseorang, tanyalah terlebih dahulu kepada empunya diri supaya perkhabaran yang diterima itu benar-benar betul dan tepat.

Pihak kerajaan dan golongan berwajib mestilah mengambil langkah pencegahan supaya penyebaran maklumat palsu tidak berleluasa dan boleh memporak perandakan keamanan hidup manusia. Ini termasuk menguatkuasakan hukuman takzir kepada para pesalah kerana kesannya boleh menjejaskan keamanan dan keharmonian masyarakat dan negara. Sewajarnya hukuman adalah setimpal atas kesalahan yang dilakukan. Agensi dan pihak berautoriti perlu mengambil langkah sepatutnya dalam mengawal penyebaran fitnah melalui teknologi maklumat ini supaya tiada sesiapa yang teraniaya dan dizalimi lantaran maklumat palsu yang disebarkan.

Kepada para penerima sms, tidak selayaknya mereka bersubhat menghantar maklumat yang sama kepada orang lain tanpa menyelidik terlebih dahulu. Alangkah malangnya jika penganut Islam sendiri bersikap percaya secara membuta tuli lantaran kejahilan yang ada pada dirinya sendiri. Berfikirlah secara matang dan adil supaya kita tidak terpikul dengan dosa yang sengaja ditimbulkan oleh mereka yang berkepentingan.